



NOTIS LELONG

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG NOTIS JUALAN LELONG SISA

Dengan ini dimaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Pasir Gudang akan mengadakan **JUALAN LELONG SISA** kenderaan buruk dan barang rampasan dan sitaan penguatkuasaan yang tidak dituntut di bawah kesalahan undang-undang Majlis Bandaraya Pasir Gudang sebagaimana di bawah:-

- Tarikh** : **Ahad, 3 September 2023**
- Masa** : **Bermula jam 9.00 pagi
(pendaftaran bermula jam 8.00 pagi sehingga
9.00 pagi)**
- Tempat** : **Ballroom Cempaka Jingga
Aras 3, Menara Aqabah
Majlis Bandaraya Pasir Gudang
Jalan Bandar
81700 Pasir Gudang**
- Jenis** : **Lelongan Awam (Jualan Sisa)**
- Lelong** : **1. Kenderaan yang ditunda dan dialihkan bagi
kesalahan di bawah Seksyen 46 (1) (e) Akta
133.
2. Barang sitaan dan rampasan dibawah
Kesalahan Undang-undang Kecil.**
- Syarat** : **1. Peniaga barang lusuh/terpakai berlesen
Negeri Johor sahaja(Sila bawa lesen
Pembida** **perniagaan
serta salinan kad pengenalan)[kenderaan
buruk]
2. Terbuka kepada umum [barang sitaan dan
rampasan]**

***Pendaftaran adalah melalui QR Code yang disediakan**

Kenderaan buruk dan barangan sitaan dan rampasan untuk lelongan boleh dilihat sendiri pada **30 Ogos 2023 (Rabu), 1 & 2 September 2023 (Jumaat & Sabtu)** bermula dari jam **9.00 pagi hingga 5.00 petang** di **Stor Taman Mawar bersebelahan Padang Latihan JDT** dalam waktu pejabat sahaja.

Setiap pembidaan/tawaran pembelian adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Semua barangan lelongan dijual sebagai besi buruk dan **TIDAK BOLEH DIDAFTAR SEMULA** dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Barang-barang yang akan dilelong adalah seperti senarai notis ini. Sebarang maklumat lanjut boleh diperolehi melalui :-

**JABATAN PENGUATKUASAAN
MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG
TEL: 07-2547777**

Atau dengan melayari laman web MBPG www.mbpq.gov.my

*Maklumat rasmi untuk lelongan ini hanya boleh didapati di dalam laman web dan *facebook* rasmi Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Sebarang pindaan tarikh & masa adalah tertakluk kepada keputusan pihak Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

SENARAI KENDERAAN BURUK BAGI LELONGAN MBPG BIL. 2/2023

BIL	JENIS KENDERAAN	BIL	JENIS KENDERAAN
1.	MAZDA	22.	VOLVO
2.	PERDANA	23.	SAGA
3.	SAGA	24.	SAGA
4.	KEMBARA	25.	WIRA
5.	TOYOTA(VAN)	26.	WIRA
6.	MERCEDES	27.	ISWARA
7.	CHEVROLET	28.	ISWARA
8.	SAGA ISWARA	29.	PROTON SAVY
9.	ISWARA	30.	COROLLA
10.	FORD	31.	KEMBARA
11.	NAZA	32.	WIRA
12.	CITROEN	33.	SAGA
13.	MERCEDES	34.	WIRA
14.	DAIHATSU	35.	SAGA
15.	SERENA	36.	KANCIL
16.	PROTON SAGA	37.	HONDA CITY
17.	KANCIL	38.	PROTON SAGA
18.	MERCEDEZ BENZ	39.	PROTON WIRA
19.	KANCIL	40.	ISUZU
20.	SAVVY	41.	KANCIL
21.	PROTON SAGA	42.	KELISA

SENARAI KENDERAAN BURUK BAGI LELONGAN MBPG BIL. 2/2023

BIL	JENIS KENDERAAN	BIL	JENIS KENDERAAN
43.	PROTON SAVY	61.	ISWARA
44.	CHAREDE	62.	VAN
45.	FORD SPECTRON	63.	NISSAN SUNNY
46.	WAJA	64.	WIRA
47.	PROTON ISWARA	65.	WIRA
48.	NAZA SURIA	66.	NISSAN
49.	HONDA ACCORD	67.	SAGA
50.	RUSA	68.	MERCEDES BENZ
51.	SAGA	69.	ISWARA
52.	SATRIA NEO	70.	KANCIL
53.	TOYOTA HIACE	71.	ISUZU
54.	NISSAN SUNNY	72.	BMW
55.	FORD LASER	73.	SAGA
56.	KENARI	74.	FORD
57.	SAGA	75.	LORI
58.	VANNETE	76.	SAGA ISWARA
59.	KANCIL		
60.	MATRIX		

SENARAI BARANG SITAAN DAN RAMPASAN BAGI LELONGAN MBPG BIL 2/2023

BIL	JENIS BARANG		BIL	JENIS BARANG	
1.	KERUSI SOFA SINGLE	23	14.	TEMPAT MEMANGGANG	1
2.	KAYU SNOOKER	77	15.	KHEMAH 20X20	2
3.	BOLA SNOOKER	9	16.	KHEMAH 10X10	2
4.	KERUSI GUNTING RAMBUT	2	17.	MEJA PLASTIK	13
5.	PETI AIS 1 PINTU	2	18.	PAYUNG PENJAJA	1
6.	GAS STEAMBOAT	20	19.	TONG AIS	4
7.	RAK KACA	4	20.	DAPUR GAS	2
8.	KERUSI PLASTIK	63	21.	TERMOS	1
9.	MESIN BASUH	1	22.	KIPAS DINDING	5
10.	MESIN PENERING	1	23.	PAGAR	2
11.	MEJA KAYU	4	24.	PAPAN TANDA	34
12.	COVER TELEFON BIMBIT	520	25.	TONG GAS	2
13.	WARUNG TOLAK	4			



**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN
JUALAN LELONG SISA KENDERAAN BURUK DAN BARANG SITAAN PENGUATKUASAAN
YANG TIDAK DITUNTUT DI BAWAH KESALAHAN UNDANG-UNDANG MAJLIS
BANDARAYA PASIR GUDANG (MBPG)
BIL. 2/2023
03 SEPTEMBER 2023 (AHAD)**

1. Pembida/Pembeli hendaklah Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun dan ke atas.
2. Bagi kenderaan buruk, pembida/pembeli **wajib memiliki lesen menjual barangan lusuh dan terpakai di bawah Akta Peniaga Sekenhend 1946 (Akta 189) yang berdaftar di bawah Polis Diraja Malaysia Negeri Johor sahaja dan pemilik syarikat/pemegang lesen perlu hadir sendiri tanpa melantik wakil untuk menjadi pembida/pembeli.** Surat wakil kuasa atau wakil tidak diterima.
3. Bagi barang sitaan, pembida/pembeli adalah terbuka kepada umum.
4. Pendaftaran awal boleh dilakukan melalui pendaftaran secara atas talian "Online" bagi mengelakkan keciciran pendaftaran. Dokumen sokongan boleh dibawa ketika hari lelongan.
5. Lelongan adalah berdasarkan pembidaan melalui tawaran bidaan tertinggi dari harga rizab atau harga yang ditentukan oleh Pelelong.
6. Pembida/Pembeli perlu membuat bayaran deposit sebanyak **RM1000.00** bagi bidaan kenderaan buruk dan **RM100.00** bagi bidaan barang sitaan sebagai jaminan kepada transaksi lelongan untuk mengelakkan pelelong secara suka-suka "*joy bidder/buyer*" dan bukan bertujuan membeli barang lelongan. Wang deposit ini hanya akan dipulangkan setelah berakhir sesi lelongan.
7. Pembida/Pembeli yang berjaya hendaklah menjelaskan bayaran secara **TUNAI/KAD KREDIT/KAD DEBIT** sepenuhnya pada hari lelongan sebelum jam 3.30 petang.
8. Kenderaan buruk atau barangan sitaan yang dilelong adalah seperti sedia ada sebagaimana yang dipamer untuk lelongan.
9. Urusan pengangkutan kenderaan buruk dan barangan sitaan adalah tanggungjawab pembida/pembeli yang berjaya itu sendiri.
10. Kenderaan buruk yang telah dibida dan dibayar hendaklah **dileraikan dan dipotong dengan menggunakan jentera, kelengkapan, dan peralatan Pembida/Pembeli sendiri di dalam kawasan tapak simpanan** sebelum dibawa keluar dari tempat tersebut. **Bekalan kuasa elektrik tidak disediakan.**
11. Pembida/Pembeli juga **dilarang membuat urusan jual beli** di tapak atau stor simpanan.

12. Hanya Pembida/Pembeli berjaya bagi kenderaan buruk diberi tempoh **lima (5) hari (4 September 2023 hingga 8 September 2023)** untuk membawa keluar, menuntut, mengambil kenderaan buruk tersebut selepas bayaran dibuat namun bagi barangan sitaan hendaklah dibawa keluar serta merta setelah selesai proses pembayaran.
13. Kegagalan menuntut/mengambil kenderaan-kenderaan buruk dan barangan sitaan selepas tempoh yang ditetapkan tamat akan dianggap **TERBATAL** dan wang pembelian **TIDAK** akan dikembalikan.
14. Majlis **TIDAK AKAN MENANGGUNG** rugi di atas kerosakan dan/atau kehilangan kenderaan-kenderaan buruk dan barangan sitaan semasa atau selepas lelongan.
15. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** jika terdapat kekhilafan pada gambar-gambar paparan dalam laman sesawang dan/atau mana-mana paparan pemberitahuan berkenaan kenderaan-kenderaan buruk dan barangan sitaan yang dilelong.
16. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** atas apa-apa tindakan dan/atau pendakwaan kesalahan bagi kenderaan-kenderaan buruk yang telah dilelong selepas tarikh lelongan.
17. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** atas apa-apa risiko kerugian dan/atau liabiliti daripada kenderaan buruk dan barangan sitaan yang telah dilelong selepas tarikh lelongan.
18. Kenderaan buruk dan barangan sitaan yang telah dibida **TIDAK BOLEH** dipulangkan kepada Majlis.
19. Majlis berhak membuat apa-apa keputusan yang difikirkan wajar dan munasabah berkaitan dengan lelongan dan keputusan tersebut adalah **MUKTAMAD**.

*Bagi mengelakkan persepakatan harga lelong, harga rizab dan juga syarat-syarat lelong telah dibuat beberapa penambahbaikan bagi mengelakkan isu berulang berlaku.



Sila imbas *QR Code* di sini untuk pendaftaran